



MAJLIS PERASMIAN


Masjid
SAYYIDINA ABU BAKAR
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

JUMAAT, 11 NOVEMBER 2011
BERSAMAAN 15 ZULHIJAH 1432H



UITEM

وېورسټي ټيكنيكل ماليزيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA





Daulat Tuanku



UNIVERSITI TEKNIK MALAYSIA MELAKA



Menjunjung Kasih Tuanku



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



**SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG
AL-WATHIQU BILLAH TUANKU MIZAN ZAINAL ABIDIN IBNI AL-MARHUM SULTAN
MAHMUD AL-MUKTAFI BILLAH SHAH**

D.K.M., D.K.T., D.K.R., D.M.N., S.U.M.Z., S.S.M.T., S.P.M.T., D.K. (Perlis), D.K. (Johor), D.K.M.B. (Brunei),
D.K. (Perak), D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Kedah), D.K. (Kelantan), D.K. (Selangor), S.P.M.J.,
Commandeur de la Legion d'Honneur (France),
The Most Auspicious Order of The Rajamitrabhorn (Thailand),
Collar De La Orden Al Merito De Chile (Chile),
Necklace of Independence (Qatar), Bintang Republik Indonesia Adipurna (Indonesia)



TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA
TUN DATUK SERI UTAMA MOHD KHALIL BIN YAAKUB,
S.M.N., D.U.N.M., S.U.M.Z., S.J.M.K., S.S.A.P.,
P.S.M., S.I.M.P., S.P.D.K., D.P., D.S.A.P., J.S.M.,
S.M.P., G.C.O.M.(GER)



Merajak Sembah



Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang
Assalamualaikum wbt.

Ampun Tuanku,

Terlebih dahulu patik dan seluruh rakyat negeri Melaka memanjatkan kesyukuran ke hadirat Allah SWT atas perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berangkat menyempurnakan majlis perasmian Masjid Sayyidina Abu Bakar di Universiti Teknikal Malaysia Melaka pada hari ini. Semenjak dari zaman Rasulullah SAW, masjid menjadi pusat tumpuan segala kegiatan yang melambangkan ketinggian syiar dan kekuatan umat Islam di seluruh wilayah yang dikuasainya. Peranan masjid masa kini juga harus diperluaskan dengan membawa institusi masjid ke tengah kelompok masyarakat menerusi penganjuran pelbagai kegiatan bagi menarik minat umat Islam mengunjunginya. Peranan masjid pada masa kini menjadi lambang kepada kekuatan, kesatuan, keharmonian, keadilan, keilmuan dan kemegahan kepada umat Islam. Kewujudan Masjid Sayyidina Abu Bakar di salah satu premis institusi pengajian tinggi seperti UTeM secara langsung dapat menggerakkan warganya baik akademi mahu pun pelajar ke arah perpaduan ummah yang menjurus kepada pembentukan sahsiah yang murni. Generasi muda adalah aset Negara, maka mereka adalah pemimpin masa hadapan dan perlu diperlengkapkan dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran bagi menggalas cabaran negara pada masa depan.

Pemahaman dan penghayatan perlu ada untuk mengembalikan keunggulan masjid dalam membentuk negara bangsa yang disebut sebagai رُوفَعٌ بَرُّوْءٌ تَبِيْطٌ فَدَالٌ (negara yang baik dan Allah Maha Pengampun). Dengan adanya kefahaman yang mendalam serta penghayatan yang tinggi, maka akan bertambahlah ketakwaan dan keimanan kita kepada Allah SWT. Oleh itu, harapan patik kepada penduduk sekitar kariah Masjid Sayyidina Abu Bakar dan umat Islam khususnya, marilah kita bersama mengambil usaha, bersikap terbuka dan berfikiran kreatif serta inovatif untuk meletakkan peranan sebenar institusi masjid sebagai wacana pembangunan insan yang baik dari segi akal dan budinya. Jauhlah anasir yang merugikan kerana ia boleh memecahbelahkan perpaduan ummah dan akhirnya umat Islam itu sendiri yang lemah.

Marilah kita bersama-sama menadahkan tangan mensyukuri rahmat-Nya bersempena penyempurnaan Majlis Perasmian Masjid Sayyidina Abu Bakar, Universiti Teknikal Malaysia Melaka oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang kita kasih. Ampun Tuanku, sembah patik mohon diampun. Menjunjung Kasih Tuanku.

"Melawat Melaka Bersejarah Bererti Melawat Malaysia"
"Melaka Bandaraya Warisan Dunia, UNESCO"
"Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau"


Y.A.B. DATUK SERI HJ. MOHD ALI BIN MOHD RUSTAM
Ketua Menteri Melaka



Mengafak Sembah



*Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang
Assalamualaikum wbt.*

Ampun Tuanku,

Alhamdulillah, patik bersyukur ke hadrat Ilahi atas perkenan Seri Paduka Baginda Tuanku mencemar duli berangkat ke Universiti Teknikal Malaysia Melaka untuk majlis penyempurnaan perasmian Masjid Sayyidina Abu Bakar pada hari ini 11 November 2011M bersamaan 15 Zulhijjah 1432H.

Sebagai sebuah organisasi yang berteraskan pendidikan, Universiti sentiasa komited bagi memenuhi tuntutan menjana ilmu serta menggalas tanggungjawab yang besar dalam mengasuh dan membentuk pemimpin masa depan negara. Sektor pengajian tinggi merupakan faktor kritikal dalam mentransformasi negara melalui sumbangan pengeluaran modal insan yang berkualiti. Di bawah kepimpinan Rasulullah SAW, masjid merupakan medium untuk memupuk peribadi Muslim yang kuat dan tahan sehingga mampu menjadi tunjang dalam membina sebuah masyarakat yang padu dan dinamik.

Menelusuri sirah baginda Rasulullah SAW pada zamannya membuktikan institusi masjid berperanan besar sebagai perantara dalam memproses, mendidik serta membentuk teras dan asas keperibadian Muslim. Ini ternyata kerana dari masjid, lahirnya graduan-graduan para sahabat yang memiliki keperibadian yang utuh dengan ketakwaan, keberanian, ilmu dan amalan untuk menegakkan syiar Islam.

Justeru fungsi Masjid Sayyidina Abu Bakar di Universiti Teknikal Malaysia Melaka sebaiknya digarap secara sempurna agar seluruh generasi Muslim mendapat kemanfaatannya. Pembinaan masjid secara berpusat pada lokasi yang menjadi tumpuan orang ramai mampu berperanan sebagai penyubur keharmonian dan penyatuan masyarakat. Masjid bukan sahaja dilihat sebagai tempat beribadat semata-mata tetapi sebagai pusat kegiatan masyarakat dalam aspek pendidikan, kemasyarakatan dan juga untuk kebajikan. Kerjasama yang berkesan antara semua pihak sekali gus dapat mengimarahkan masjid.

Akhir kata, marilah kita bersama-sama menadahkan tangan mensyukuri nikmat dan rahmat-Nya bersempena dengan Majlis Perasmian Masjid Sayyidina Abu Bakar oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada hari ini.

Ampun Tuanku, sembah patik mohon diampun.
Patik dengan penuh takzim,

Y.B. DATO' SERI MOHAMED KHALED BIN NORDIN
Menteri Pengajian Tinggi Malaysia

Mergfak Sembah



*Dengan nama Allahi Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang
Assalamualaikum wbi.*

Ampun Tuanku,

Alhamdulillah, patik mengucapkan kesyukuran di atas perkenan Seri Paduka Baginda Tuanku mencemar duli untuk menyempurnakan upacara Perasmian Masjid Sayyidina Abu Bakar. Adalah menjadi suatu penghormatan buat patik dan seluruh warga UTeM di atas keberangkatan Seri Paduka Baginda Tuanku pada tarikh keramat 11.11.11 yang sesungguhnya akan sentiasa segar terpahat di lipatan sejarah Universiti.

Masjid menjadi lambang syiar Islam sehingga hari ini. Selain daripada berfungsi sebagai pusat dakwah dan ibadah bagi umat Islam, masjid juga berperanan sebagai pusat bagi penyebaran ilmu pengetahuan, pusat aktiviti kemasyarakatan serta pusat perpaduan ummah. Kita berasa bangga dan bertuah kerana keberangkatan Seri Paduka Baginda Tuanku telah menyemarakkan budaya keilmuan khususnya dalam kalangan akademik dan pelajar-pelajar UTeM. Kewujudan Masjid Sayyidina Abu Bakar yang tersergam indah di tengah kampus UTeM mencerminkan pengabdian diri kepada yang Maha Kuasa, mendidik para pelajar untuk mencari kebenaran sebagai satu matlamat dalam pengajian serta menggembelng cita-cita dan impian negara ke arah melahirkan manusia yang memiliki ciri-ciri ulul 'albab.

Patik mengambil kesempatan ini menyampaikan sekalung penghargaan kepada semua yang telah terlibat dengan perancangan serta pembinaan masjid Universiti sehingga ke tahap ini. Setinggi-tinggi tahniah dan ucapan terima kasih kepada Pusat Islam dengan kerjasama Penerbit Universiti atas daya usaha menghasilkan sebuah buku Terbitan Khas tentang Masjid Sayyidina Abu Bakar. Ucapan syabas ditujukan kepada Pengerusi Jawatankuasa Peringkat Negeri dan Peringkat Universiti bersama seluruh ahli-ahli jawatankuasa yang terlibat, di atas komitmen yang tinggi dalam menyatu idea, menyempurnakan tugas bagi menzahir upacara seterusnya memastikan Majlis Perasmian Masjid Sayyidina Abu Bakar berjalan dengan lancar.

Sempena perasmian Masjid Sayyidina Abu Bakar ini juga, sesungguhnya menyuntik semangat buat patik dan seluruh warga Universiti untuk bekerja dengan lebih tekun demi memastikan UTeM kekal berdiri kukuh mencapai kestabilan dan kematangan sebagai sebuah Universiti berfokus yang menepati keperluan semasa negara.

Ampun Tuanku, sembah patik mohon diampun.

Patik dengan penuh takzim,

PROF. DATUK DR. AHMAD YUSOFF BIN HASSAN
Naib Canselor
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Atur Cara Majlis


- 11.30 pagi - Ketibaan Dif-dif Jemputan.
- 11.45 pagi - Ketibaan YAB Datuk Seri Haji Mohd Ali Bin Mohd Rustam, Ketua Menteri Melaka.
- 11.50 pagi - Ketibaan TYT Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil bin Yaakub, Yang di-Pertua Negeri Melaka.
- 11.55 pagi - Keberangkatan tiba Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah.
- Bacaan Doa.
 - Ucapan oleh YAB Ketua Menteri Melaka.
- Titah Perasmian Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong.
- Upacara menandatangani plak perasmian oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong.
 - Persembahan cenderamata kepada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong.
 - Solat Jumaat.
 - Santapan tengahari.
- 2.45 petang - Keberangkatan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong meninggalkan majlis.
- TYT Yang di-Pertua Negeri Melaka beredar meninggalkan majlis.
 - Majlis bersurai.

Masjid
SAYYIDINA ABU BAKAR
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



"BARANGSIAPA MEMBINA MASJID KERANA MENCARI KEREDHAAN ALLAH
MAKA ALLAH TA'ALA AKAN MEMBINAKAN BAGINYA
(RUMAH) DI SYURGA."

(Sahih Muslim)





SAYYIDINA ABU BAKAR AS-SIDDIQ RA

Sayyidina Abu Bakar as-Siddiq RA boleh diumpamakan sebagai seorang yang amat penting dalam hidup Nabi Muhammad SAW. Beliau dikatakan amanah, setia terhadap Nabi Muhammad SAW dan seorang yang sanggup berjihad, berkorban tenaga, nyawa dan harta demi memperolehi keredaan Allah SWT.

Pengaruh Islam semakin tersebar apabila Sayyidina Abu Bakar as-Siddiq RA berjaya memerangi golongan murtad dan nabi-nabi palsu dalam kalangan kabilah-kabilah. Kebijaksanaan politik Sayyidina Abu Bakar RA itu membawa perkembangan masyarakat Arab ke arah kesatuan politik dan menjadikan mereka melihat Madinah sebagai ibu kota negara mereka dan sumber segala kebijaksanaan. Sebagai umat Islam, kita sepatutnya memilih kehidupan yang berpandukan akidah yang benar. Dalam erti kata lain, kita harus berpegang teguh pada agama Islam. Setiap orang perlu berusaha untuk meningkatkan tahap keimanan kepada Allah.

Sayyidina Abu Bakar as-Siddiq RA telah banyak menyumbangkan jasa beliau dalam dakwah Islamiah. Pelbagai perkara Sayyidina Abu Bakar as-Siddiq RA telah lakukan. Walaupun beliau orang yang lemah tubuhnya, namun imannya kuat. Dengan kekuatan imannya itu, beliau telah mendorong dunia sehingga panji kebenaran mampu berkibar dan kata-katanya diakui. Sikap dan jasa baiknya itu harus kita teladani serta praktikkan untuk kemajuan diri sendiri, masyarakat dan negara.



Hadis daripada Abu Said r.a katanya :

" KETIKA RASULULLAH SAW BERADA DI ATAS MIMBAR, BAGINDA SAW BERSABDA: " TERDAPAT SEORANG HAMBA, DI MANA ALLAH MEMBERI PILIHAN KEPADANYA, SAMADA BELIAU INGIN MEMILIH KEMEWAHAN DUNIA ATAU DIBERI SESUATU YANG ADA DI SISI ALLAH. TERNYATA BELIAU MEMILIH APA YANG ADA DI SISI ALLAH." SETELAH ITU ABU BAKAR MENANGIS DAN BERKATA: "AKU MENEBUS KAMU DENGAN BAPA DAN IBUKU." ABU SAID BERKATA: "RASULULLAHLAH YANG DIPILIHNYA DAN ABU BAKAR SENDIRI YANG MEMBERITAHU PERKARA ITU KEPADAKU." RASULULLAH SAW BERSABDA: "ORANG YANG SANGGUP BERKORBAN DENGAN HARTA DAN DIRINYA KERANA AKU IALAH ABU BAKAR. SEKIRANYA AKU INGIN MENGAMBIL SEORANG KEKASIH, AKU AKAN MENGAMBIL ABU BAKAR SEBAGAI KEKASIHKU, AKAN TETAPI BELIAU MERUPAKAN SAUDARAKU DI DALAM ISLAM. SESUNGGUHNYA DI MASJID INI TERDAPAT JENDELA BESAR DI ANTARA DUA BUAH RUMAH UNTUK ABU BAKAR."

(Riwayat al-Bukhari & Muslim)

اوينور سيني تيكنيكل مليسيا ملاك



Melihat kepada sumbangan Sayyidina Abu Bakar as-Siddiq RA dalam mengembangkan syiar Islam serta ketinggian budi pekerti beliau yang jujur, adil, tegas serta memiliki sifat-sifat terpuji, justeru itu, nama beliau dipilih untuk diabadikan sebagai nama masjid UTeM. Dengan izin Allah, nama ini bersesuaian dengan imej masjid ini dari segi pesekitaran, matlamat dan hala tujunya dalam usaha memartabatkan ajaran Islam dan mendidik sahsiah warga UTeM dan masyarakat setempat.



SEJARAH RINGKAS MASJID SAYYIDINA ABU BAKAR

Masjid Sayyidina Abu Bakar menjadi lambang syiar Islam yang baru bagi warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka. Pembinaan Masjid Sayyidina Abu Bakar dalam merekabentuk, membina, mengujiterima dan menyiapkan mengambil masa 24 bulan. Projek pembinaan ini bermula pada 1 Mei 2007 dan siap dibina pada 12 Mei 2010. Kos pembinaannya adalah berjumlah RM15,341,140.00 dengan keluasan lantai 5, 404.59 meter persegi. Masjid ini dapat menampung 4000 jemaah dalam satu masa.

Masjid Sayyidina Abu Bakar mempunyai ruang sembahyang yang luas dan selesa. Masjid ini boleh menempatkan 4000 orang jemaah dalam satu-satu masa. Ruang sembahyang untuk jemaah lelaki terletak di aras Satu dan ruang sembahyang bagi jemaah wanita terletak di aras Dua bangunan masjid. Di dalam ruang ini juga turut diadakan aktiviti seperti kuliah, ceramah dan penyampaian sumbangan sempena hari raya.



Pelbagai aktiviti telah dirancang dan dilaksanakan di Masjid Sayyidina Abu Bakar dalam menjana kecemerlangan ummah khususnya warga UTeM seperti dalam aspek pengajaran dan pembelajaran, khidmat masyarakat dan pembangunan staf. Masjid Sayyidina Abu Bakar menjadi wadah dalam membina keperibadian muslim bagi melahirkan umat terbilang (khaira ummah).



Diantara aktiviti yang dijalankan seperti Kelas Tahsin Al-Quran, Kelas Fardhu 'Ain Lelaki dan Wanita, Kelas Fiqh Sirah, Kelas Fiqh Jinayat, Kelas Bahasa Arab Mudah, Kuliah Tafaqquh fi Din, Kuliah Jumaat, Muhadarah Ilmiah, Muzakarah Ilmiah, Majlis Kebesaran Islam, Majlis Sambutan Maal Hijrah, Majlis Sambutan Maulidur Rasul, Majlis Sambutan Isra' dan Mi'raj, Majlis sempena Nuzul al-Quran, Program Ihya Ramadhan, Majlis Sambutan Eidul Fitri, Majlis Sambutan Eidul Adha, Majlis Berkhatam, Seminar Pemantapan Akidah, Seminar Ilmu Falak, Diskusi Halal dan Haram, Program Baitu Saadah, Ceramah Lambaian Kaabah



Pengurusan Masjid Sayyidina Abu Bakar dilaksanakan secara sistematik. Pengurusan dan pentadbiran masjid ini dilaksanakan oleh Unit Masjid, di bawah pentadbiran Pusat Islam, UTeM. Bagi menambahbaik pengurusan masjid, Jawatankuasa Masjid telah dilantik bagi memantau dan memberi idea serta pandangan terhadap pelaksanaan aktiviti masjid yang dinaung oleh Naib Canselor. Ahli jawatankuasa masjid adalah terdiri daripada pegawai kanan dan staf UTeM.





Sekalung Penghargaan

KEPADA SEMUA YANG TERLIBAT SAMA ADA
SECARA LANGSUNG ATAU TIDAK LANGSUNG
DALAM MENJAYAKAN MAJLIS INI

اونيور سيني تيكنيكل ماليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA





UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Menjunjung Kasih Tuanku

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA